



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Khamis, 25 Mei 2023

DISEDIAKAN OLEH :
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

Daging import dari 19 negara tiada perakuan JPV

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	12

Daging import dari 19 negara tiada perakuan JPV

Oleh AMREE AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Hanya lapan daripada 27 negara yang diaudit rumah sembelihan memperoleh perakuan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk membawa daging import ke negara ini.

Sumber agensi berkenaan berkata, negara-negara tersebut adalah India, Australia, Brazil, New Zealand, Pakistan, Jepun, Amerika Syarikat (AS) dan Argentina.

"Kami memang melaksanakan audit secara berkala amat ketat malah Australia sendiri yang dikatakan agak kontroversi pun sudah dibuat proses itu akhir tahun lepas," katanya di sini semalam.

Semakan menerusi laman sesawang rasmi agensi itu mendapati, baki 19 negara lain tiada premis sembelihan ruminan diperakui JPV kecuali ke atas kilang pengeluaran daging ayam, telur, khinzir dan produk tenusu berjaya melepasi pengauditan agensi tersebut untuk pengeksportan ke Malaysia.

Antaranya jiran terdekat, Indonesia yang tiada langsung rumah sembelihan ruminan di-



CONTOH logo pengesahan halal dan perakuan JPV yang dicetak pada setiap daging import yang diluluskan untuk dibawa masuk ke Malaysia.
- GAMBAR IHSAN JPV

masuk dalam senarai rasmi JPV setelah rekod baharu dikeselusi pada 6 Mac lalu.

Sebaliknya, JPV menyenaraikan 10 premis tenusu di republik itu yang turut diperakui oleh Majelis Ulama Indonesia (MUI) bermula pada 3 Mac lepas untuk

tempoh sah selama tiga tahun.

Ketiadaan itu bahkan selaras dengan laporan media antarabangsa pada 10 Mei lalu memetik Jabatan Pertanian Persekutuan Australia menyekat import daging dari Indonesia.

Terdapat hanya tujuh rumah

sembelihan halal ruminan di Indonesia dan kesemuanya itu didapati melanggar kod peraturan standard kebajikan haiwan Australia sejak 2021.

Situasi yang sama turut membabitkan Thailand apabila langsung tiada satu pun premis sembelihan ternakan di negara itu dalam data senarai JPV dikeselusi kini pada 7 Mac lepas.

Apa yang ada hanyalah 16 buah rumah sembelihan ayam serta 10 syarikat pengeluaran tenusu dengan diiktiraf oleh badan akreditasi halal, *Central Islamic Committee of Thailand*.

Australia muncul sebagai negara yang paling banyak badan diperakui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) iaitu tujuh dengan 19 rumah sembelihan ada pengauditan JPV.

Sementara itu, China pula didapati langsung sifar premis sembelihan ruminan yang dalam senarai JPV meskipun negara tersebut ada enam badan pensijilan halal diiktiraf Jakim.

Situasi berbeza dengan Jepun yang juga ada sama jumlah badan pensijilan halal namun dua rumah sembelihan daging lembu di sana diaudit oleh JPV akhir tahun lepas.

Daging import 19 negara tiada perakuan JPV

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Utusan Malaysia	Nasional	Online

Daging import 19 negara tiada perakuan JPV



CONTOH logo pengesahan halal dan perakuan JPV yang dicetak pada setiap daging import yang diluluskan untuk dibawa masuk ke Malaysia. – IHSAN JPV

PUTRAJAYA: Hanya lapan daripada 27 negara yang diaudit rumah sembelihan memperoleh perakuan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk membawa daging import ke negara ini. Sumber agensi berkenaan berkata, negara-negara tersebut adalah India, Australia, Brazil, New Zealand, Pakistan, Jepun, Amerika Syarikat (AS) dan Argentina. “Kami memang melaksanakan audit secara berkala amat ketat malah Australia sendiri yang dikatakan agak kontroversi pun sudah dibuat...